**PEJABAT KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA**
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**
**PARAS 7, BLOK J**
**PUSAT BANDAR DAMANSARA**
**50604 KUALA LUMPUR**

***Tel : 03-2586900***
***Fax : 03-2535150***
**Laman Web : http://www.moe.gov.my**

KP(BS) 8591/Jld.XVIII (13)

26 November 2002

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

***SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 13/2002 :***
**LARANGAN PENGGABUNGAN LEMBAGA PENGELOLA SEKOLAH**

Semua sekolah kerajaan, sekolah bantuan kerajaan dan sekolah swasta yang ditetapkan untuk mempunyai Suratcara Pengelolaan di bawah Seksyen 53 (1) atau Seksyen 53 (3) Akta Pendidikan 1996 hendaklah memastikan bahawa Suratcara Pengelolaan itu memperuntukkan mengenai penubuhan Lembaga Pengelola bagi sekolah berkenaan sahaja.

2. Setiap Lembaga Pengelola hendaklah bertanggungjawab bagi pengurusan sekolah yang baginya ia ditubuhkan dan adalah tidak dibenarkan untuk

2.1 bergabung dengan mana-mana Lembaga Pengelola yang ditubuhkan bagi mana-mana sekolah lain; atau

2.2 terlibat dalam pengurusan mana-mana sekolah lain.

3. Sila maklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Bahagian/Daerah dan Pengetua serta Guru Besar sekolah di bawah pentadbiran Y.Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan.

***"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"***

**DATUK ABDUL RAFIE BIN MAHAT**
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Merangkap
Ketua Pendaftar Sekolah dan Guru

s.k

1. Y.B. Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad
   Menteri Pelajaran Malaysia

2. Y.B. Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin
   Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia

3. Y.B. Dato' Hon Choon Kim
   Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia

4. Y.B. Dato' Mahadzir bin Mohd Khir
   Setiausaha Parliman, Kementerian Pendidikan Malaysia

5. Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Malaysia

6. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
   Kementerian Pendidikan Malaysia

7. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan
   Kementerian Pendidikan Malaysia

8. Ketua-Ketua Bahagian, Kementerian Pendidikan Malaysia

9. Ketua Jemaah Nazir Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia

10. Penasihat Undang-Undang, Kementerian Pendidikan Malaysia

11. Ketua Perhubungan Awam, Kementerian Pendidikan Malaysia